



Ref: [29] dlm.SS/1223/2

Tarikh : 6 Muharram 1448H
22 Jun 2026

SIARAN AKHBAR

Untuk dikeluarkan pada 23 Jun 2026

***Astro Adventures Boot Camp* Menyemarakkan Minat Generasi Muda Terhadap Astronomi Melalui Pembelajaran Interaktif Bersempena Brunei MYCE 2026**

22 Jun 2026, Isnin, Bandar Seri Begawan – Program *Astro Adventures Boot Camp*, yang dianjurkan bersempena Brunei MYCE 2026, telah berjaya diadakan di Taman Jubli Perak, Daerah Brunei dan Muara, dengan penyertaan seramai 55 orang pelajar daripada Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassan al Bolkiah, Sekolah Seri Mulia Sarjana, Jigsaw School dan Sekolah Rendah Sungai Teraban.

Program sehari ini, yang bermula pada jam 7.30 pagi hingga 8.00 malam, direka khas untuk kanak-kanak berumur 8 hingga 12 tahun dengan menawarkan pengenalan kepada bidang astronomi melalui aktiviti interaktif, menyeronokkan dan berasaskan pengalaman secara langsung.

Boot camp ini bertujuan untuk mencetuskan rasa ingin tahu mengenai angkasa lepas, memperkukuhkan pemahaman para peserta terhadap konsep asas astronomi, mengembangkan kemahiran pemerhatian serta menggalakkan pemikiran saintifik dalam kalangan generasi muda.

Selain mempelajari ilmu astronomi, program ini turut menyediakan platform kepada para pelajar daripada sekolah yang berbeza untuk menjalinkan persahabatan, memupuk semangat kerjasama berpasukan serta meningkatkan kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah dalam suasana yang menyeronokkan dan kolaboratif.

Sebagai salah satu program di bawah Brunei MYCE 2026, *Astro Adventures Boot Camp* menyokong usaha berterusan dalam menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna bagi memberi inspirasi kepada generasi muda untuk meneroka bidang sains, teknologi dan disiplin berkaitan angkasa lepas sejak usia muda.

Sepanjang program berlangsung, para peserta telah mengikuti pelbagai aktiviti menarik, termasuk sesi suai kenal, pengenalan kepada alam semesta, aktiviti *Treasure Hunt*, aktiviti arah kiblat dan navigasi, demonstrasi waktu solat menggunakan bayang matahari, cabaran roket air, kuiz angkasa, sesi kreatif bertemakan planet dan galaksi serta aktiviti pemerhatian langit. Program ini diakhiri dengan aktiviti pencerapan bintang yang membolehkan para peserta memerhati bulan, planet dan bintang menggunakan teleskop.

Astro Adventures Boot Camp merupakan program kedua daripada empat program yang dianjurkan di bawah siri astronomi Brunei MYCE 2026. Program-program yang bakal diadakan termasuk *Explore the Milky Way*, iaitu pengembaraan pencerapan bintang semalaman yang akan berlangsung pada 5 hingga 6 Julai 2026 di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak, Daerah Belait, diikuti dengan Seminar Ilmu Falak dan Astronomi pada 7 Julai 2026 di Dewan Mawaddah, Setia Point Co., Daerah Brunei dan Muara, yang akan menampilkan pembentangan dan perbincangan oleh pakar tempatan dan antarabangsa mengenai peranan astronomi dalam sains dan tradisi



جابتن اوکور
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Islam. Para peserta juga boleh memilih pakej program yang ditawarkan pada kadar istimewa. Maklumat lanjut, pendaftaran dan jadual program boleh didapati melalui laman sesawang rasmi Jabatan Ukur di www.survey.gov.bn.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Serina Alyssa binti Udan

Ketua Juruteknik Ukur

Jabatan Ukur

Kementerian Pembangunan

Negara Brunei Darussalam

Tel: +673 867 7602

Emel: serina.udan@survey.gov.bn

Dibenarkan oleh:

Nor Zetty Akhtar binti Haji Abd Hamid

Pemangku Juruukur Agung

Jabatan Ukur

Kementerian Pembangunan

Negara Brunei Darussalam.